



**PEKELILING  
LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN SABAH  
BILANGAN 10/2015**

---

**SEMUA PENGUSAHA DAN PEMILIK LESEN KENDERAAN PERDAGANGAN DI  
NEGERI SABAH DAN WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN**

**TARIKH KUATKUASA SYARAT-SYARAT AM DAN  
KHAS LESEN**

**1.0 TUJUAN**

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan pembetulan pada tarikh kuatkuasa Syarat-syarat Am dan Khas Lesen seperti di dalam Pekeliling Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sabah Bilangan 8/2015.

**2.0 LATAR BELAKANG**

2.1 Mesyuarat Lembaga Bilangan 8/2015 pada 19 Oktober 2015 telah bersetuju dengan pindaan Syarat-syarat Am dan Khas Lesen dan Pekeliling Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sabah Bilangan 8/2015 bertarikh 22 Oktober 2015 bagi memaklumkan pelaksanaan terhadap pindaan tersebut telah dikeluarkan. Walau bagaimanapun terdapat pembetulan terhadap tarikh kuatkuasa Syarat-syarat Am dan Khas pada pekeling yang telah dikeluarkan tersebut.

**3.0 TARIKH KUATKUASA**

3.1 Tarikh kuatkuasa baharu bagi Syarat-syarat Am dan Khas seperti di dalam Pekeliling Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sabah Bilangan 8/2015 adalah bermula pada **1 Januari 2016**.

3.1 Dengan berkuatkuasanya pekeliling ini, tarikh kuatkuasa pada Pekeliling Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Bilangan 8/2015 adalah terbatal. Walau bagaimanapun, pelaksanaan Syarat-syarat Am dan Khas Lesen seperti di perenggan 3.0 pada Pekeliling Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Bilangan 8/2015 tidak berubah dan masih terpakai.

#### **4.0 PENUTUP**

4.1 Pekeliling ini terpakai kepada semua pengusaha dan pemilik lesen Kenderaan Perdagangan di Negeri Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan.

4.2 Sebarang kemusykilan mengenai perkara ini hendaklah dirujuk kepada Ibu Pejabat LPKP Kota Kinabalu, Sabah.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA “**



**(MOHD ISHAK BIN AMIR HUSSEIN)**

Pengarah

Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sabah

Kota Kinabalu

**Oktober 2015**

s.k.

YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri

YB. Datuk Pengerusi LPKP Sabah

Semua Ahli Lembaga LPKP Sabah

Pejabat LPKP Cawangan Sandakan

Pejabat LPKP Cawangan Tawau